

Headline	BERDIKARI SAMBIL mencari ilmu		
MediaTitle	Harian Metro		
Date	27 Sep 2013	Language	Malay
Circulation	324,097	Readership	1,981,000
Section	Supplement	Color	Full Color
Page No	M11	ArticleSize	765 cm <sup>2</sup>
AdValue	RM 28,253	PR Value	RM 84,760



# BERDIKARI SAMBIL

Oleh Hajahfarhana Tarmudi

hajahfarhana@mediaprima.com.my

**G**adis berusia 23 tahun ini mempunyai impian tinggi dalam bidang perniagaan. Justeru, Nur Lyana Fadzeeli memulakan langkah berani dengan mempelajari selok-belok perniagaan walaupun belum tamat pengajiannya.

Berada di tahun akhir pengajiannya dalam bidang Ijazah Sarjana Muda Perniagaan Antarabangsa di Universiti Utara Malaysia, Nur Lyana akui minat dalam dunia perniagaan bertambah kuat selepas dia mengambil keputusan untuk mengikuti kelas solekan pada 2010 kerana mahu mengisi masa lapang ketika cuti semester.

Tanpa disangka, keputusannya itu menjadi langkah permulaan untuk menceburi bidang perniagaan kecantikan. Walaupun ada rakannya yang bimbangkan risiko bakal ditanggung selain modal permulaan yang besar, ia tidak langsung mematahkan semangat gadis ini.

Tidak hairanlah jika dia kini memasang impian untuk membuka butik perkahwinan di samping meneruskan kelas solekan.

Bagi mengetahui lebih lanjut mengenai usaha anak sulung empat beradik ini, ikuti temu bual penulis bersama Nur Lyana.

**Solekan (S):** Anda mula menceburi dunia perniagaan di usia muda. Bagaimana anda memulakan perniagaan berbasiskan kecantikan?

**Jawapan (J):** Pada mulanya, saya hanya belajar bersolek secara suka-suka. Selepas itu, saya menggunakan wajah rakan untuk cuba menyolek berdasarkan teknik yang dipelajari selama dua bulan.

Kemudian, saya muat naik di akaun Facebook dan tidak sangka menerima banyak komen positif.

Kebetulan, rakan yang mahu berkahwin ingin menggunakan khidmat solekan saya selepas melihat gambar rakan yang disolek itu.

Akhirnya, ilmu solekan yang dipelajari secara suka-suka itu mula mendapat perhatian terutama untuk mekap perkahwinan di sekitar Alor Setar, Perlis dan Pulau Pinang.

Keluarga banyak memberi sokongan dan semuanya dilakukan atas dasar minat selain memasang niat untuk tidak mahu menyusahkan ibu bapa walaupun masih belajar.

Saya sangat bersyukur kerana ibu bapa mendidik kami untuk berdikari dan ia sedikit sebanyak mendorong saya berusaha mencari duit sendiri. Dalam keluarga kami, tiada sesiapa pun yang menceburi bidang perniagaan.

Modal dikeluarkan juga tidak sebesar mana. Yuran untuk mengikuti kursus solekan kira-kira RM200 menggunakan duit baki pengajian manakala modal permulaan untuk membeli alat mekap secara asas pula hanya RM50.

Sebelum itu, saya pernah cuba menjual solekan gratis pada 2007, tetapi melancarkan program perniagaan secara rasmi. Bagaimanakah anda mengurus perniagaan secara berkesan selepas mahu berkenaan perniagaan ini?

**J:** Selain banyak menerima tempahan, saya mengadakan kelas solekan bermula sejak awal 2012.

Biasanya, kelas diadakan pada hari cuti sama ada di hujung minggu atau cuti semester mengikut permintaan. Ia terbahagi kepada dua kategori iaitu untuk kelas persendirian atau berkumpulan.

Kelas solekan juga diadakan atas permintaan daripada rakan dan pembaca selepas mereka melihat mekap yang dimuat naik di laman Facebook, whitelove211\_chenta@yahoo.com.

Selepas percaya dengan keupayaan diri, saya merancang pula acara peragaan untuk melahirkan model baru. Ia sebagai satu platform kepada model yang baru pertama kali menceburi bidang peragaan serta tidak mempunyai sebarang pengalaman.

Selain itu, acara peragaan berkenaan juga dijadikan tempat untuk saya mencuba teknik solekan.

Kini, saya sudah menganjurkan kira-kira tujuh acara peragaan termasuk mekap mengikut tema berbeza yang biasanya disertai 10 hingga 12 model pada satu-satu masa.

Saya berasa bersyukur kerana setakat ini belum ada masalah membabitkan kos perbelanjaan untuk mengadakan acara berkenaan.

Walaupun masih bergelar penuntut di institusi pengajian tinggi, wang yang disimpan menerusi tempahan dan kelas solekan banyak membantu.

Duit simpanan itu juga membantu saya membeli keperluan diri sendiri sebagai persediaan untuk memasuki semester baru di universiti. Selain itu, ia digunakan untuk membeli peralatan solekan dan aksesori.

Biasanya, saya memilih lokasi bersesuaian seperti di taman rekreasi kerana tidak perlu membara sewa bagi menjimatkan kos perbelanjaan.

Yuran pendaftaran yang dikenakan kepada setiap model adalah untuk menyediakan keperluan makan dan minum mereka saja.

**S:** Apakan aktiviti yang anda lakukan di waktu lapang?

**J:** Saya gemar menyertai pertandingan solekan bagi memantapkan pengetahuan. Malah, saya pernah menjadi juara pertandingan solekan pengantin sebanyak dua kali anjuran majalah tempatan di Pu-

Headline	BERDIKARI SAMBIL mencari ilmu		
MediaTitle	Harian Metro		
Date	27 Sep 2013	Language	Malay
Circulation	324,097	Readership	1,981,000
Section	Supplement	Color	Full Color
Page No	M11	ArticleSize	765 cm <sup>2</sup>
AdValue	RM 28,253	PR Value	RM 84,760

Iau Pinang dan Alor Setar.

Selain solekan, saya perlu menyiapkan tempahan tudung, selendang dan layah pengantin di waktu lapang kerana mempunyai ilmu asas jahitan.

Memandangkan saya bekas pelajar sekolah menengah teknik dan ambil pengajian pakaian, saya tiada masalah menghasilkan sendiri tudung atau selendang.

Jika sebelum ini setiap koleksi tudung direka mengikut keselesaan sendiri, namun tanpa disangka, ada rakan yang mahu membuat tempahan rekaan tudung atau selendang untuk penampilan eksklusif.

*S: Bagaimana anda merbalikkan ilmu antara pengajaran dan perniagaan?*

**J:** Pengurusan masa sangat penting apatah lagi bergelar pelajar bagi memastikan kejayaan dalam dua bidang ini.

Saya berniaga dengan tujuan untuk mengubah kelemahan diri dalam pengurusan dan mempelajari cara mengembangkan perniagaan dengan betul.

Justeru, aktiviti di universiti harus jadi keutamaan sebelum mengadakan kelas atau acara peragaan bagi mengelakkannya mengganggu pelajaran.

Headline	BERDIKARI SAMBIL mencari ilmu		
MediaTitle	Harian Metro		
Date	27 Sep 2013	Language	Malay
Circulation	324,097	Readership	1,981,000
Section	Supplement	Color	Full Color
Page No	M11	ArticleSize	765 cm <sup>2</sup>
AdValue	RM 28,253	PR Value	RM 84,760

**Harian Metro**

*NUR Lyana bijak  
membahagi masa  
antara pelajaran  
dan perniagaan.*



*NUR Lyana (kiri) ketika  
mengadakan kelas solekan  
di Politeknik Arau, Perlis.*





Headline	BERDIKARI SAMBIL mencari ilmu		
MediaTitle	Harian Metro		
Date	27 Sep 2013	Language	Malay
Circulation	324,097	Readership	1,981,000
Section	Supplement	Color	Full Color
Page No	M11	ArticleSize	765 cm <sup>2</sup>
AdValue	RM 28,253	PR Value	RM 84,760

